

20 JAN 2001

Mahathir-Okayama

MALAYSIA TIMBANG CADANGAN MAS TERBANG KE OKAYAMA, KATA PM

Oleh: D. Arul Rajoo

OSAKA, 20 Jan (Bernama) -- Malaysia akan menimbangkan cadangan Wilayah Okayama supaya Penerbangan Malaysia (MAS) terbang ke Okayama, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata cadangan itu dikemukakan kepadanya oleh Gabenor Wilayah Okayama semasa perjumpaan mereka di sini.

"Mereka tidak sabar menunggu MAS terbang ke Okayama. Ini adalah sesuatu yang kita patut pertimbangkan," kata Dr Mahathir kepada pemberita Malaysia yang membuat liputan lawatan empat hari beliau ke Osaka.

Malahan, gabenor itu bersedia mengumpulkan seberapa ramai pelancong dan ahli perniagaan untuk melawat Malaysia, katanya.

Dr Mahathir, yang tiba di sini pada Khamis, menyampaikan ucap tama pada Persidangan Antarabangsa Mainichi dan juga menghadiri majlis pelancaran terbitan buku "Reflections of Asia", himpunan artikel beliau yang disiarkan dalam Mainichi Daily News dari Februari 1999 hingga Jun tahun lepas.

Mengenai sambutan terhadap artikelnya oleh pemimpin dan masyarakat perniagaan Jepun, Dr Mahathir berkata mereka bersedia untuk mendengar pandangannya dan beberapa daripada mereka bersetuju termasuk bantahan beliau berhubung menjadikan Jepun kebaratan.

"Sebab itu kita mengadakan telepersidangan hari ini dengan Gabenor Tokyo dan dua yang lain mengenai pendapat mereka dan saya berhubung dasar Jepun dan Malaysia terhadap regim ekonomi yang kini dipromosikan oleh Barat," katanya, merujuk kepada forum yang dirakamkan oleh Fuji Television Network yang akan disiarkan pada Selasa.

Beliau berkata apa yang paling penting ialah kesediaan Jepun untuk mendengar dan sama ada mereka bersetuju atau tidak, itu adalah perkara lain, berbanding dengan orang lain yang tidak bersedia untuk mendengar.

Anggota panel lain ialah Gabenor Tokyo Shintaro Ishihara, Kenichi Takemura dan Jitsumo Terashima, yang menyertai Dr Mahathir dari Tokyo pada sesi telepersidangan itu.

Dr Mahathir, yang telah melawat Jepun lebih 50 kali seperti yang dinyatakan oleh pengendali forum itu, berkata banyak kebaikan yang masih boleh dipelajari daripada sistem tradisional Jepun walaupun ia nyata cuba meniru barat sekarang.

Mengenai cadangan Ishihara supaya Jepun menghantar pekerjaannya untuk belajar kemahiran tertentu di Malaysia, Dr Mahathir berkata mereka berpendapat pembangunan Malaysia lebih terancang seperti projek Koridor Raya Multimedia dan teknologi maklumat.

Ini berbeza dengan Jepun dengan syarikat-syarikat melakukan inisiatif sendiri dan pembangunannya tidak berintegrasi, dan ini merupakan sesuatu yang boleh dipelajari dari Malaysia, katanya.

Dr Mahathir juga berkata bahawa Malaysia tetap memberi tumpuan kepada "ekonomi lama" walaupun kerajaan memberi fokus yang tinggi terhadap "ekonomi baru" berasaskan teknologi dan pengetahuan.

"Banyak orang bercakap tentang ekonomi baru tetapi ekonomi baru dengan sendirinya tiada bekalkan keluaran. Kita masih perlu aktiviti perniagaan, trading, pengeluaran dan lain-lain yang membekalkan barangan dan perkhidmatan," katanya.

Beliau berkata ekonomi lama ini boleh dibaiki dengan menggunakan teknologi dan pengetahuan.

-- BERNAMA

AR RHM NAK

